



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

PERTANDINGAN MEMBINA ARCA DARI BAHAN BUANGAN KITAR SEMULA ANTARA KAMPUNG

"SAYANGI ALAM SEKITAR, LINDUNGI TANAH GAMBUT & LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA"

TARIKH PERTANDINGAN	19 OGOS 2025 (7.30 pagi)
TEMPOH PERTANDINGAN	20 JULAI -19 OGOS 2025
TARIKH AKHIR PENDAFTARAN	10 OGOS 2025
LOKASI PERTANDINGAN	UITM MUKAH

JOHAN **RM1000**

NAIB JOHAN **RM800**

KETIGA **RM500**

SAGUHATI **RM200**
x 2

- HAK CIPTA ARCA KEKAL MILIK PESERTA, TETAPI PENGANJUR BERHAK MENGGUNAKAN GAMBAR DAN MAKLUMAT ARCA UNTUK TUJUAN PROMOSI.
- KEPUTUSAN PANEL HAKIM ADALAH MUKTAMAD DAN TIDAK BOLEH DIRAYU.
- SEBARANG ARCA YANG TIDAK MENEPATI SYARAT BOLEH DIBATALKAN PENYERTAANNYA.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Penyertaan

- Terbuka kepada semua penduduk kampung sekitar - sama ada individu atau kumpulan (maksimum 3 orang setiap kumpulan)
- Setiap penyertaan hanya dibenarkan menghantar satu (1) arca sahaja.
- Penyertaan adalah PERCUMA dan terhad kepada sepuluh (10) penyertaan TERAWAL sahaja.

Penyediaan Arca

- Arca mesti dibuat terlebih dahulu sebelum hari pertandingan dalam tempoh 1 Julai 2025 hingga 17 Ogos 2025.
- Peserta perlu membawa arca ke lokasi pertandingan pada hari pertandingan untuk dinilai oleh panel hakim.
- Setiap arca yang dipertandingkan perlu disertakan bersama keterangan ringkas dan padat mengenai konsep dan bahan yang digunakan.
- Kos pembuatan arca, pengangkutan ke lokasi pertandingan dan penginapan peserta (jika ada) adalah di bawah tanggungan sendiri oleh peserta.
- Peserta WAJIB menghantar gambar dan video proses penghasilan arca kepada urusetia selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum hari pertandingan sebagai bukti keaslian karya.

Bahan dan Saiz Arca

- Arca mesti dibuat sekurang-kurangnya 80% daripada bahan buangan kitar semula seperti plastik, kertas, tin, kayu, kaca atau bahan terpakai lain.
- Penggunaan bahan berbahaya atau berisiko seperti bahan mudah terbakar, tajam yang boleh mendatangkan bahaya adalah dilarang.



IMBAS UNTUK PENDAFTARAN/LOG
MASUK AHLI RAS




IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
PERTANDINGAN

Pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi
Unit PKASST, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak



aznor@doe.gov.my



charlie@doe.gov.my

PEJABAT JAS : 082 - 482 535